

Fasa 2 MRT Semantan-Kajang siap 99 peratus

SEPANG 28 Jun - Pembinaan Fasa 2 Transit Aliran Massa (MRT) laluan Semantan-Kajang kini siap 99 peratus dan akan beroperasi mengikut jadual menjelang 17 Julai depan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad, Datuk Seri Azmi Abdul Aziz berkata, laluan itu akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, laluan sepanjang 31 kilometer (km) itu kini dalam proses pelbagai ujian dan

fasa kedua itu akan melengkapkan operasi laluan MRT Sungai-Buloh-Kajang sejauh 51 km.

“Pada ketika ini, kita merencanakan persiapan dan melakukan ujian-ujian yang perlu bagi memastikan pergerakan tren tidak mengalami apa-apa kecacatan selepas ia dilancarkan.

“Kalau kita terlihat ada tren yang bergerak ke Kajang ketika ini, itu adalah proses ujian yang kita lalukan sekarang. Insya-Alah akan siap pada 17 Julai nanti,” katanya di Lapangan Terbang

Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini hari Ini.

Fasa 1 MRT sejauh 20 km dari Sungai Buloh-Semantan mula beroperasi Disember lepas.

Berhubung projek Rel Transit Ringan (LRT) Line 3 (LRT3) yang menghubungkan Bandar Utama di Petaling Jaya dan Johan Setia, Klang, Azmi berkata, tender utama akan disiapkan pada bulan depan.

Projek pembinaan LRT3 dianggarkan bernilai RM9 bilion dan dijangka siap pada Ogos 2020.